

SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED 2 & GRED 1

1. KELAYAKAN **AM PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM **GRED 2 & GRED 1****

- Warganegara Malaysia;
- Mempunyai pengalaman kerja dalam pengendalian dan penyelenggaraan dandang stim;
- Tidak pernah didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta 514 atau peraturan-peraturan di bawahnya;
- Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
- Menghadiri kursus Jurutera Dandang Stim di Penyedia Latihan Berdaftar dengan JKKP;
- Lulus peperiksaan Jurutera Dandang Stim di Pusat Peperiksaan yang diiktiraf JKKP; dan

2. KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED 2

- Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai Graduated Engineer dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- Satu (1) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan); dan

ATAU

- Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (selain Kejuruteraan Mekanikal) yang diiktiraf oleh MQA dan berdaftar sebagai Graduated Engineer dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); dan
- Dua (2) tahun pengalaman kerja berkaitan operasi dandang stim (perlu disahkan majikan).

3. KELAYAKAN KHUSUS PERMOHONAN SEBAGAI JURUTERA DANDANG STIM GRED 1

- Mempunyai enam (6) bulan pengalaman kerja sebagai Jurutera Dandang Stim Gred Dua (2);
- Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ratus (200) meter persegi; dan
- Mendapatkan pengesahan dari majikan atau Jurutera Dandang Stim Gred Satu (1) bagi item (a) & (b).

4. KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN JURUTERA DANDANG STIM

Pemohon yang ingin memperbaharui pendaftaran hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- Masih aktif menjalankan kerja sebagai Jurutera Dandang Stim dan disahkan oleh majikan;
- mempunyai enam puluh (60) mata CEP dalam tempoh tiga (3) tahun dengan:
 - a. Tiga puluh (30) mata CEP termasuk latihan spesifik dalam bidang Dandang Stim yang berkaitan kompetensi seperti :
 - i. Perundangan dan piawaian dandang stim;
 - ii. Operasi, pemeriksaan dan penyelenggaraan dandang stim;
 - iii. Kegagalan dan pembaikan dandang stim; atau
 - iv. Teknologi berkaitan dandang stim; dan
 - b. Tiga puluh (30) mata CEP bidang KKP.
- Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dengan menggunakan borang pemeriksaan kesihatan yang tersedia di sistem MyKKP;
- Tidak disabitkan kesalahan di bawah Akta 514 - Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau peraturan-peraturan di bawahnya; dan
- Tidak memperolehi pendaftaran atau pembaharuan melalui salah nyataan atau fraud.

Bagi mengekalkan kesinambungan tempoh sah sijil kompetensi, Jurutera Dandang Stim hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh sah sijil kompetensi.